

# Insan cemerlang adalah rahmat dan anugerah ilahi



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD  
zaiton mohamad@yahoo.com

UMS 13.06.2012 B4

SETIAP manusia teringin untuk menjadi insan cemerlang. Kecemerlangan itu bukan sekadar cemerlang di dunia

malah di akhirat juga. Walaubagaimanapun pada zaman moden ini ramai yang beranggapan kecemerlangan di dalam akademik dan berjaya di dalam pekerjaan sudah dianggap cemerlang secara hakiki. Oleh sebab itu, mereka hidup tanpa pegangan yang kukuh pada agama kerana kesibukan dalam membuat penyelidikan, mengurus tadbir pekerjaan telah berjaya melalaikan diri daripada mendirikan apa yang wajib di sisi agama seperti solat, berpuasa dan rukun-rukun Islam dan iman yang lain.

Justeru itu dalam memberikan kehidupan yang lebih bererti maka makanan rohani perlu diisi iaitu perlu taat kepada Allah dengan mengerjakan apa yang diperintahkan dan meninggalkan apa yang ditegahnya. Namun ramai yang berusaha bersungguh-sungguh dan berdoa tetapi tidak mendapat kejayaan yang diharapkan. Seseorang itu menjadi cemerlang bukanlah semata-mata kerana usaha, doa dan tawakkalnya kepada Allah sahaja. Ini disebabkan kecemerlangan adalah anugerah dan rahmat daripada Allah swt. Justeru itu kita mesti sentiasa taat dalam mengerjakan semua perintah Allah dan meninggalkan segala yang dilarangnya.

Dalam menjadi insan yang cemerlang, kita juga diwajibkan untuk menghormati dan menyayangi kedua ibu bapa. Perkara itu adalah mudah dan boleh diamalkan oleh semua. Namun ada juga segelintir daripada kita membenci ibu bapa atau kurang menghormati keduanya atas sebab-sebab tertentu. Malah sanggup memberikan kedukaan kepada ibu bapa sebagai tanda memprotes dan kadang melawan cakap mereka. Malah dalam mengejar keseronokan hidup ada yang sanggup membohongi ibu bapa semata-mata untuk memuaskan nafsu remaja.

Rasulullah s.a.w pernah berpesan barangsiapa yang tidak mendoakan kedua orang tua mereka, akan tertutup pintu rezeki. Malah amat besar dosanya sekiranya ibu bapa menitiskan air mata kerana berkecil hati dengan kelakuan yang tidak disukainya. Justeru itu untuk menjadi insan cemerlang maka setiap orang perlu menghormati kedua ibu bapa dan mendoakan kesejahteraan baginya.

Dalam proses menjadi insan yang terbaik sudah tentu memerlukan guru untuk mendidik dan membimbing ke arah jalan yang betul. Adalah mustahil untuk menjadi seorang yang berjaya tanpa memerlukan tunjuk ajar dan ilmu yang boleh dimanfaat tanpa ada guru, mentor, pensyarah dan sebagainya. Justeru itu setiap jasa dan pengorbanan guru wajar dihormati dan guru-guru juga perlu disayangi. Malah kawan-kawan juga perlu dibantu sekiranya mereka memerlukan bantuan.

Rasulullah s.a.w juga pernah berpesan bahawa Allah akan membantu hambanya selama hambanya membantu saudaranya. Orang yang mempunyai jiwa sebegitu akan sentiasa bermotivasi tinggi dan sentiasa berusaha untuk melakukan sebaik mungkin. Malah dalam pada masa yang sama mahir dalam mengatur strategi sekiranya mempunyai matlamat dalam hidupnya.

Mereka akan sentiasa mencabar diri ke arah yang lebih baik dari masa ke semasa. Ini disebabkan kejayaan diri bukan sesuatu yang datang bergolek. Ia memerlukan perancangan yang rapi, kesungguhan yang tidak berbelah bagi, disiplin serta jati diri yang mantap, kebolehan menyesuaikan diri dengan peskitaran serta pegangan kepada nilai kehidupan yang positif.

Justeru itu kehidupan akan berbunga dengan kejayaan apabila anda percaya kepada diri sendiri serta kebolehan yang anda ada. Lantaran itu untuk menjadi insan yang cemerlang memerlukan kepada cara berfikir yang positif, niat yang ikhlas, jujur pada diri dan orang lain serta mengerjakan apa yang diperintah Allah dan meninggalkan apa yang ditegahnya. Dengan cara itu sahaja setiap masalah atau situasi yang anda hadapi akan berjaya diatasi.

\*Penulis adalah Pegawai Psikologi HEP, UMS